

17/12/2003

Menawan hati rakyat secara liberal, terbuka

Dr Mohamad Khir Toyo

LEBIH sebulan berlalu sejak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad. Sepanjang tempoh itu, kita telah saksikan bagaimana pelbagai kebimbangan, spekulasi dan khabar angin mengenai kemampuan Pak Lah menerajui negara dan parti sebelum ini, tersasar dan meleset sama sekali daripada realiti.

Tindakan dan keputusan yang beliau ambil sepanjang tempoh itu menjadi bukti bahawa sifat lemah lembut dan mementingkan perundingan yang diamalkan Pak Lah bukanlah sifat yang memperlihatkan atau menyebabkan kelemahan, sebaliknya ia melahirkan kekuatan dan melambangkan keyakinan diri yang amat tinggi.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa bagi menjayakan sebarang dasar, program dan rancangan yang dirangka oleh kerajaan, kerjasama dan dokongan rakyat amat diperlukan.

Kaedah utama yang digunakan bagi mendapatkan sokongan dan dokongan rakyat ialah dengan merayu kepada minda dan memenangi hati mereka. Ini dapat dilakukan dengan proses penerangan serta kaedah perundingan membabitkan rakyat dalam proses penggubalan sebarang dasar, rancangan atau program dari peringkat awal lagi.

Jika satu ketika dulu, dalam sejarah berkerajaan manusia di era monarki, mutlak titah raja adalah segala-galanya dan ia adalah dasar kerajaan yang tidak boleh dipinda, namun apabila dunia berubah dan sistem demokrasi berperwakilan menjadi pegangan ki-ta, fungsi raja diambil alih oleh pihak eksekutif dan perundangan yang dipilih oleh rakyat. Falsafah pengurusan juga berubah daripada raja tahu segala-galanya kepada kerajaan tahu segala-galanya.

Bagaimanapun, semakin maju dan berkembang sistem demokrasi di samping rakyat yang lebih berpeluang mendapat akses kepada pendidikan tinggi dan maklumat, menyebabkan rakyat mahu supaya mereka lebih dibabitkan sama dan dirundingi dalam sebarang penggubalan dan pelaksanaan dasar, rancangan atau program.

Umno sebagai parti tunjang kepada gabungan parti pemerintah Barisan Nasional (BN) haruslah prihatin terhadap hakikat ini dalam menentukan bahawa Umno dan BN berubah seiring dengan keperluan semasa bagi mengekalkan sokongan massa.

Tanpa memenangi hati dan pemikiran rakyat, matlamat yang sebagaimana mulia, murni dan baik sekalipun tidak akan tercapai. Perbezaannya dapat dilihat daripada usaha kerajaan Malaya kemudiannya Ma-laysia selama 41 tahun bagi menumpaskan pemberontakan komunis. Usaha ini tidak akan berjaya tanpa kemampuan pihak berkuasa memenangi hati dan pemikiran rakyat terlebih dulu.

Inilah faktor paling penting kenapa kerajaan berjaya memenangi Darurat Pertama (1948-1960) dan Darurat Kedua yang tidak diisytiharkan secara rasmi (1968-1989), sehingga memaksa Parti Komunis Malaya (PKM) meletakkan senjata pada Disember 1989, dua tahun sebelum kehancuran Kesatuan Republik Sosialis Soviet (USSR), negara komunis pertama di dunia pada 1992.

Kejayaan kita ini juga berbeza dengan apa yang berlaku di Vietnam Selatan, di mana dari tahun 1965 hingga 1975, Amerika Syarikat dengan segala kekuatan tenteranya yang moden dan canggih berhadapan dengan tentera Vietnam Utara dan gerila Vietcong bagi mencegah kemaraan komunisme, namun mereka mengalami kekalahan yang memalukan menyebabkan Vietnam Selatan jatuh ke tangan Vietnam Utara yang berfahaman komunis pada April 1975. Ini disebabkan oleh tiadanya usaha yang serius dibuat bagi memenangi hati dan pemikiran rakyat di dalam konflik itu.

Sepanjang tempoh 22 tahun pentadbiran Dr Mahathir, kaedah yang diguna pakai beliau bagi meyakinkan rakyat untuk menyokong dasar, program serta

rancangan kerajaan adalah lebih berbentuk memenangi pemikiran rakyat. Ini bersesuaian dengan latar belakang dan imej Dr Mahathir yang dikenali sebagai cendekiawan dan reformis Melayu.

Ini juga dapat dilihat daripada kaedah bagaimana beliau berusaha mereformasikan bangsanya yang bermula dengan tulisannya di bawah nama pena Che Det di dalam akhbar Straits Times ketika zaman mahasiswanya, sehinggalah membawa kepada penghasilan magnum opusnya 'Malay Dilema.'

Pentadbiran Dr Mahathir telah menukarkan Malaysia daripada sebuah negara pertanian yang bergantung kepada hasil komoditi seperti getah, kelapa sawit dan galian seperti bijih timah, menjadi sebuah negara perindustrian yang ekonominya bergantung kepada sektor pembuatan.

Pentadbiran beliau telah menyediakan landasan kukuh ke arah transformasi berikutnya daripada ekonomi industri kepada ekonomi baru yang berteraskan ilmu atau 'k-economy' dan punca pertumbuhan baru lahirnya seperti bidang bioteknologi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Untuk itu, pentadbiran Pak Lah yang bersifat lebih akomodatif, liberal dan merundingi akan dapat melengkapkan usaha pentadbiran Dr Mahathir yang terdahulu dalam usaha memenangi hati rakyat. Ia juga dapat menyediakan suasana yang sesuai bagi ekonomi baru untuk berkembang subur.

Kita telah dapat melihat bagaimana Republik Singapura hari ini walaupun diiktiraf sebagai negara maju, mereka menghadapi masalah besar dalam merubah ekonominya kepada ekonomi baru.

Ini kerana suasana kawalan yang begitu ketat di Singapura sama ada di bidang politik, ekonomi atau sosial sehinggakan kreativiti individu tidak dapat berkembang maju. Bayangkan di Singapura keputusan sama ada yang bersifat besar atau kecil, malah yang membabitkan peribadi individu, semuanya perlu campur tangan kerajaan.

Dalam sistem yang diamalkan Singapura, tidak mungkin akan lahir tokoh seperti Albert Einstein, Thomas Edison, Alexander Graham Bell, Bill Gates atau Micheal Dell yang kesemuanya tidak cemerlang dari sudut akademik konvensional, tetapi amat kreatif dan mampu memberi nilai kepada kekreatifan mereka.

Kesilapan yang dibuat oleh Singapura tidak mampu kita ulang. Kita juga boleh melihat bagaimana India mampu muncul sebagai pengeksport kedua terbesar perisian komputer di dunia, walaupun ekonominya tidaklah serancak China atau sehebat Jepun.

Mungkinkah suasana yang membenarkan percambahan kreativiti yang bersifat 'non-conformist' wujud di India, tetapi tidak dapat subur atau membugar di Jepun atau China.

Bagi membuat transformasi ke arah ekonomi baru dengan sumber pertumbuhan baru, kita memerlukan suasana yang dapat membenarkan ia berkembang. Jika dalam era ekonomi pertanian yang diperlukan adalah buruh ramai dan tanah mencukupi, dalam era ekonomi perindustrian pula apa yang diperlukan adalah insentif kerajaan dan pekerja mahir, maka dalam era ekonomi baru ia memerlukan kepada suasana yang kondusif untuk perkembangan kreativiti dan percambahan intelektual.

Pendekatan memenangi hati rakyat dengan cara yang lebih akomodatif, liberal dan terbuka amatlah sesuai dengan perkembangan negara yang sudah 46 tahun merdeka. Namun, haruslah diingat bahawa Malaysia adalah negara majmuk merujuk kepada kepelbagaian kaum, agama dan budaya.

Suasana yang lebih liberal bukanlah lesen kepada mana-mana pihak untuk cuba menimbulkan kebimbangan rakyat dengan memainkan isu sensitif demi kepentingan sempit mereka atas nama kebebasan bersuara dan ekspresi. Sebaliknya gunakanlah suasana yang lebih terbuka ini secara membina bagi mengoptimumkan potensi setiap individu.

Generasi muda perlu mengambil peluang ini untuk meneroka era kecemerlangan baru. Kenapa kita tidak boleh muncul sebagai negara pengeksport utama perisian komputer jika India yang mengalami pelbagai kekurangan terutamanya dari segi prasarana asas berbanding Malaysia, boleh melakukannya?

* Penulis adalah Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia.

